



قِيَابَةُ كَفَرًا حَاكِمِ شَرِيحِي بِنْدَرِي قَوْلًا وَقِيَابَةً

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (20)

Tarikh : 14 April 2016

6 Rejab 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2016
KETERANGAN SAKSI KES MAL MELALUI AFIDAVIT**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2016 pada 1 Februari 2016 telah meluluskan usul Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan dan Penyelesaian kes tertunggak bil. 1 tahun 2016.

Bagi mempercepatkan penyelesaian kes tertunggak, keterangan saksi bolehlah dibuat melalui Afidavit dan dibacakan pada hari perbicaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 101 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Pemeriksaan balas terhadap Afidavit berkenaan boleh dibuat mengikut Seksyen 118 Enakmen yang sama.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)